**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

# KERATAN AKHBAR
## 4 Feb 2021 (Khamis)

**Berita Harian**
21 tong sisa kimia ditemui berptoensi cemar sungai langat 1
Bau seakan pelarut ganggu penduduk tempatan 2
Selangor tak kompromi cubaan sabotaj 3
Penukaran paip lama usang antara petunjuk KPI Air Selangor 4
Wakaf Air pelengkap perkhidmatan sedia ada 5
Nor Azmie Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor 6

**Utusan Malaysia**
Lebih 5 juta pengguna air bersih 'terselamat 7

**Harian Metro**
Stor sulit bahan cemar 8

**Kosmo**
Denda naik RM1 juta, penjara 10 tahun kepada pesalah 9
Sambungan haram bawah tanah 10
Bahan kimia tidak jejaskan dua LRA 11
Ibu Yati beri keterangan dua jam kepada JAIS 12

**Sinar Harian**
Capaian internet di DUN Sungai Air Tawar kurang memuaskan 13
Kedai cetak baju disita 14
SPAN siasat penemuan tong berisi bahan pelarut 15
Kerajaan Selangor cuba ambil alih 16
RM293 juta turunkan kadar air tidak berhasil 17

**Selangor TV**
‘Cookies For A Cause’ Bantu Wanita B40 Petaling Jaya 18
19 Tong Bahan Kimia Dibuang Berhampiran Sungai Langat 19
CSR KDEBWM, Kutip Sampah Pukal PPR Lembah Subang 1 20
Inisiatif Cakna Anak Barisan Hadapan Bantu Petugas Selangor 21
KDEBWM Bantu Kutip Sisa Pukal PPR Lembah Subang 22
Kerajaan Negeri Sedia Ambil Alih Pengurusan PPR Lembah Subang 23
Nor Azmie Diron Dilantik Setiausaha Kerajaan Negeri Baharu 24
Penghuni PPR Lembah Subang 1 Bakal Terima Bantuan Bakul Makanan 25
Rodziah Sasar 25,000 Usahawan Beralih Ke Digital 26
Sampah Domestik Kawasan Rumah Meningkat Sejak PKP 27
Sungai Langat Hampir Tercemar, Suspek Dikenal Pasti 28
Tindakan Pantas Tangani Pencemaran, Elak Henti Tugas LRA 29

**TV9**
Pelaku Dikenal Pasti 30

**The Star**
COUNCIL MATTERS 31
SPRING CLEANING 32
Air Selangor aims to reduce NRW by 0.5% this year 33
Illegal chemical dumping in Kajang 34
Selangor to hold virtual Spring Festival Gala 35

SPAN investigates 19 drums 36

**New Straits Times**
19 barrels of scheduled waste found near river 37

**The Sun**
SPAN probes discovery of waste near river 38

**The Malaysian Reserve**
Sungai Rasau LRA to tackle Klang Valley water woes, says Air Selangor 39

**TheStarTV**
19 Barrels of Chemicals Found Near Sungai Langat River Reserve Land 40

**Sin Chew Daily**
In the first 4 weeks, the number of dengue cases in Selangor has dropped by 80% 41
Ronnie Liu: To save the Chinese New Year market, ready-to-wear merchants look forward to opening business 42

**Nanyang Siang Pau**
Was abandoned in a vacant building,
Solvent waste from the Daerah Kuala Langat River 43

**Makkal Osai**
Selangor gov exempts theme parks within state from entertainment tax 44
6 Indian councellors appointed in Hulu Selangor 45
Selangor donate RM1m for flood relief in Pahang 46

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR 4 February 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Berita Harian |
| Tajuk Berita | : | Bau seakan pelarut ganggu penduduk tempatan |
| Muka Surat | : | 15 |

# Bau seakan pelarut ganggu penduduk berhampiran

**Kuala Lumpur:** Bau seakan pelarut mula mengganggu penduduk di Taman Sri Reko, Kajang, di sini, sejak seminggu lalu, sekali gus mengesyaki berlaku aktiviti haram di kawasan rizab Sungai Langat, terletak kira-kira 100 meter dari kediaman mereka.

Beberapa penduduk ditemui *BH*, mengakui kerap melihat pergerakan lori keluar masuk ke kawasan yang kini dikesan menjadi lokasi pembuangan sisa kimia secara haram.

Tinjauan juga mendapati, bau kuat itu datang daripada 19 tong yang ditinggalkan kira-kira 10 meter dari Sungai Langat.

Malah, Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Orang Asli Selangor, Hee Loy Sian bersama wartawan yang meninjau ke lokasi mengakui berasa sedikit pening apabila terbau bahan kimia berkenaan.

Penduduk yang hanya mahu dikenali sebagai Gan, 60, mengakui melihat lori keluar masuk dari lokasi pembuangan haram sisa kimia itu hampir setiap hari, termasuk pada waktu malam.

Pesara itu berkata, kali terakhir dia melihat lori terbabit kira-kira tiga hari lalu dan mula mengesyaki sesuatu yang tidak kena apabila mula terhidu bau tidak menyenangkan.

"Saya ajak jiran untuk lihat apa yang ada di kawasan itu dan terkejut apabila mendapati beberapa tong biru yang jelas tertampal amaran bahaya," katanya ketika ditemui semalam.



***Saya hanya dimaklumkan semalam (kelmarin) tong ini mengandungi bahan kimia apabila melihat banyak kenderaan Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) memasuki kawasan ini dan mulai bimbang dan takut ia akan menjejaskan kesihatan penduduk di sini.***

***Mohammad Ramli,***
*Penduduk*

Mohammad Ramli, 51, pula melihat sekitar 10 tong biru yang cuba ditutup dengan papan ketika pergi meninjau lokasi pembuangan itu, kira-kira tiga hari lalu.

"Jiran beritahu ada kala terhidu bau kurang menyenangkan, sebelum saya pergi periksa, ambil gambar dan berikan kepada jiran untuk membuat aduan kepada pihak berkuasa.

"Saya hanya dimaklumkan semalam (kelmarin) tong ini mengandungi bahan kimia apabila melihat banyak kenderaan Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) memasuki kawasan ini dan mulai bimbang dan takut ia akan menjejaskan kesihatan penduduk di sini," kata peniaga itu.

Suri rumah, Jo An Lee, 50, berkata kawasan rizab sungai itu pada asalnya dijadikan stor haram menyimpan kenderaan, namun pemiliknya memindahkan ke kawasan lain selepas banjir pertengahan tahun lalu dan kerajaan negeri mahu memperbesarkan Sungai Langat.

"Sejak itu, lokasi ini kosong sehinggalah saya lihat lori keluar masuk secara kerap baru-baru ini, termasuk pada waktu tengah malam, tetapi tidak pasti siapa dan apa yang dibawa," katanya.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR 4 February 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Berita Harian |
| Tajuk Berita | : | Selangor tak kompromi cubaan sabotaj |
| Muka Surat | : | 15 |

# Selangor tak kompromi cubaan sabotaj

**Shah Alam:** Kerajaan Selangor tidak akan berkompromi dengan cubaan mensabotaj bekalan air susulan penemuan 21 tong bahan kimia di tepi Sungai Langat berhampiran Taman Sri Reko, Kajang, di sini, malam kelmarin.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari, berkata kegiatan jenayah itu perlu diperangi demi kesejahteraan hidup rakyat.

"Sejumlah 21 tong mengandungi bahan kimia dipercayai bahan alkali ditemui berhampiran Sungai Langat.

"Kerajaan negeri tiada kompromi cubaan untuk sabotaj bekalan air yang akan menjejaskan kehidupan rakyat. Jenayah ini harus diperangi," katanya menerusi Twitter semalam.

***Kerajaan negeri tiada kompromi cubaan untuk sabotaj bekalan air yang akan menjejaskan kehidupan rakyat. Jenayah ini harus diperangi.***

***Amirudin Shari,***
*Menteri Besar Selangor*

Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Selangor, Norazam Khamis, berkata pemeriksaan di lokasi mendapati 13 tong berisi 200 liter bahan kimia, manakala enam lagi mengandungi 25 liter bahan sama.

"Semua tong mengandungi bahan kimia ini ditemui dibuang dalam keadaan terbaring berhampiran sungai berkenaan," katanya.



***Loy Sian (kiri) bersama Yang Dipertua MPKj,*** *Datuk Zulkefli Khalid menunjukkan tapak pembuangan sisa kimia di Taman Seri Reko, semalam.*
(Foto Saifullizan Tamadi/BH)

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR 4 February 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Berita Harian |
| Tajuk Berita | : | Penukaran paip lama usang antara petunjuk KPI Air Selangor |
| Muka Surat | : | 16 |



*Suhaimi Kamaralzaman*

# Penukaran paip lama, usang antara petunjuk KPI Air Selangor

**Kuala Lumpur:** Penukaran paip lama dan usang terutama daripada jenis *asbestos cement* sepanjang 150 kilometer menerusi Program Penggantian Paip Lama menjadi antara petunjuk prestasi utama (KPI) yang dirangka Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) pada tahun ini bagi mengurangkan kadar air tidak berhasil (NRW).

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Suhaimi Kamaralzaman, berkata syarikat itu memperuntukkan RM293 juta dengan RM170 juta daripadanya untuk Program Penggantian Paip Lama yang kritikal, manakala RM16 juta lagi untuk penukaran meter lama dan rosak.

"KPI lain merangkumi pasukan pakar kebocoran dan pemeriksa kebocoran Air Selangor yang perlu mengesan sekurang-kurangnya 78,000 kes paip bocor pada saluran paip pengagihan dalam Program Pengesanan Kebocoran Secara Aktif," katanya pada sidang media secara maya, semalam.

Suhaimi berkata, ia turut membabitkan penubuhan 75 Zon Pemeteran Daerah (DMZ) dalam Program Pembentukan DMZ dan meneruskan pemasangan kira-kira 1,780 sensor pada paip utama.

Beliau berkata, pemasangan sensor itu bagi mengesan *pressure transient* dan kebocoran pada peringkat awal serta penggunaan 3,000 alat pengesan kebocoran kekal pada paip retikulasi di 60 DMZ.

Katanya, Air Selangor berjaya menurunkan purata NRW kepada 28.6 peratus pada tahun lalu berbanding 29.7 peratus pada 2019, iaitu melebihi sasaran ditetapkan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) meskipun berdepan pandemik COVID-19 dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

"Air Selangor juga komited mengurangkan kadar NRW ke tahap 25 peratus pada 2025, seterusnya ke tahap 15 peratus menjelang 2049," katanya.

BERNAMA

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR**<br>**4 February 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Berita Harian |
| Tajuk Berita | : | Wakaf Air pelengkap perkhidmatan sedia ada |
| Muka Surat | : | 16 |

# Wakaf Air pelengkap perkhidmatan sedia ada

## Dana disumbang masyarakat biayai projek kecil, khusus di luar bandar

Oleh Rafidah Mat Ruzki
fidahruzki@bh.com.my

**Putrajaya:** Inisiatif Wakaf Air yang dilancarkan Kementerian Alam Sekitar dan Air bukan bertujuan menggantikan peranan kerajaan dalam memberikan perkhidmatan bekalan air kepada rakyat.

Menteri Alam Sekitar dan Air, Datuk Seri Tuan Ibrahim Tuan Man, berkata inisiatif dengan kerjasama Yayasan Wakaf Malaysia (YWM) itu sebaliknya menjadi satu alternatif dan pelengkap kepada perkhidmatan sedia ada.

Katanya, dengan memberi satu pilihan kepada semua pihak untuk menyumbang dengan penuh keikhlasan, inisiatif berkenaan dapat menyediakan perkhidmatan bekalan air yang lebih baik kepada golongan memerlukan, terutama di kawasan luar bandar dan pedalaman.

"Dana wakaf yang disumbang akan digunakan bagi membiayai projek perkhidmatan air berskala kecil, khususnya di luar bandar seperti penggalian perigi, penyelenggaraan dan pembelian pam air, penyediaan tangki air mini dan pemasangan paip sambungan dengan sesuatu projek tidak melebihi RM50,000.

"Saya berazam inisiatif ini akan membantu kerajaan menyediakan projek perkhidmatan air yang berskala besar seperti pembinaan projek Takungan Air Pinggiran Sungai, Loji Rawatan Air dan empangan bernilai jutaan ringgit," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucaptama pada sesi Webinar Wakaf anjuran YWM dan Universiti Teknologi MARA (UiTM) cawangan Kedah Siri 3 bertajuk 'Wakaf Air: Matlamat dan Harapan', di sini, semalam.



***Tuan Ibrahim** ketika menyampaikan ucaptama pada sesi Webinar Wakaf anjuran YWM dan UiTM di Putrajaya, semalam.*

> ***Inisiatif ini akan membantu kerajaan menyediakan projek perkhidmatan air yang berskala besar.***
>
> ***Tuan Ibrahim Tuan Man,***
> *Menteri Alam Sekitar dan Air*

Tuan Ibrahim berkata, keperluan terhadap air, khususnya bekalan air bersih untuk dinikmati rakyat adalah tanggungjawab yang perlu ditunaikan kerajaan.

Untuk itu, beliau mencadangkan kementeriannya mengkaji kebolehlaksanaan mekanisme alternatif penyediaan perkhidmatan bekalan air bersih, terutama di kawasan luar bandar untuk komuniti kecil dengan membabitkan kos rendah.

"Instrumen wakaf dicadangkan kerana ia antara instrumen ekonomi Islam yang terbukti berkesan sejak 1,500 tahun lalu.

"Wakaf membuka ruang luas kepada sesiapa sahaja untuk menyumbang dan berperanan dalam proses mensejahterakan hidup rakyat.

"Pelaksanaan Wakaf Air menepati maqasid syariah iaitu hifzu al-nafs kerana penyediaan air bersih adalah untuk menjamin kebersihan dan kesihatan hidup rakyat, tambahan pula air juga selari Matlamat Pembangunan Lestari," katanya.

Pada masa sama, Tuan Ibrahim berkata, pihaknya mengenal pasti lima projek perintis Wakaf Air di empat negeri membabitkan kos keseluruhan RM180,500 di beberapa lokasi sekitar Selangor, Perak, Pahang dan Johor.

Lima projek perintis itu adalah di Kampung Sungai Congkak di Hulu Langat dan Kampung Sungai Sendat di Ulu Yam, Hulu Selangor di Selangor; Kampung Melayu Seelong di Senai, Johor; Kampung Batu Balak di Jerantut, Pahang dan Manjung di Perak.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| KERATAN AKHBAR 4 February 2021 | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Berita Harian |
| Tajuk Berita | : | Nor Azmie Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor |
| Muka Surat | : | 19 |



*Nor Azmie Diron*

# Nor Azmie Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

**Shah Alam:** Pegawai Kewangan Negeri Selangor, Datuk Nor Azmie Diron dilantik sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri yang baharu, berkuat kuasa semalam.

Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari, berkata Nor Azmie memulakan kerjaya dalam perkhidmatan awam sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) pada 1995, menggantikan Datuk Mohd Amin Ahmad Ahya yang mengambil cuti awal sebelum bersara pilihan pada 31 Mac.

"Nor Azmie berpengalaman luas menguruskan beberapa portfolio termasuk keusahawanan, kewangan dan pengurusan sumber manusia melalui pengalaman selama 26 tahun dalam perkhidmatan awam," katanya dalam kenyataan, semalam.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR<br>4 February 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Utusan Malaysia |
| Tajuk Berita | : | Lebih 5 juta pengguna air bersih 'terselamat |
| Muka Surat | : | 13 |

## Hampir cemari sungai



**SEORANG pegawai Jabatan Alam Sekitar mengambil sampel dipercayai cecair pelarut dari sebuah tapak pembuangan bahan kimia haram kira-kira 10 meter dari tebing Sungai Langat di Taman Seri Reko, Kajang, Selangor, semalam.**

**Sebanyak 12 tong besar dan enam tong kecil berisi bahan kimia ditemukan sedangkan ia sepatutnya dilupuskan di kawasan yang ditetapkan di bawah Akta Kualiti Alam Sekitar 1974. - UTUSAN/ AMIR KHALID**

(Berita di muka 13)



PETUGAS Jabatan Alam Sekitar memeriksa bahan kimia yang dibuang di tapak pembuangan bahan kimia di Rizab Sungai Langat, Taman Seri Reko, Kajang, Selangor semalam. - UTUSAN/AMIR KHALID

### MPKj kesan tapak buang sisa bahan kimia ke sungai

# Lebih 5 juta pengguna air bersih 'terselamat'

**Oleh MOHAMAD NAUFAL MOHAMAD IDRIS**
utusannews@mediamulia.com.my

**KAJANG:** Lebih lima juta pengguna air di Lembah Klang 'terselamat' daripada mengalami gangguan bekalan air selepas Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) mengesan tapak pembuangan haram sisa bahan kimia di Taman Seri Reko dekat sini kelmarin.

MPKj kemudiannya membuat aduan kepada Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) dan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN).

Bertindak atas maklumat itu, MPKj, LUAS, SPAN dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) membuat serbuan ke tapak berkenaan kira-kira pukul 5 petang dan mendapati sebuah premis di taman itu melakukan pencemaran dengan membuang cecair pelarut ke dalam Sungai Langat.

LUAS dalam satu kenyataannya berkata, serbuan tersebut menemukan sebanyak 13 tong besar dan enam tong kecil yang berisi cecair bahan kimia.

"Siasatan lanjut mendapati cecair bahan kimia atau bahan berjadual yang terkandung di dalam tong besar itu mengeluarkan bau seakan-akan bahan pelarut manakala cecair kimia di dalam tong keci pulak mengeluarkan bau seakan-akan penipis cat (*thinner*)," katanya.

Tambah kenyataan itu, kesemua bahan berjadual tersebut sepatutnya dilupuskan di kawasan yang ditetapkan selaras dengan Akta Kualiti Alam Sekitar 1974.

Sementara itu, SPAN dalam kenyataannya berkata, siasatan mendapati, tapak pembuangan tersebut didirikan di tanah rizab sungai yang disyaki beroperasi tanpa lesen yang sah.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR**<br>**4 February 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Kosmo |
| Tajuk Berita | : | Denda naik RM1 juta, penjara 10 tahun kepada pesalah |
| Muka Surat | : | 3 |

# Denda naik RM1 juta, penjara 10 tahun kepada pesalah



V. KIRUPAKARAN

**SHAH ALAM** – Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655) bakal dipinda bagi menaikkan jumlah denda sehingga RM1 juta kepada pesalah yang terlibat dalam kegiatan mencuri air terawat.

Pengarah Kanan Bahagian Penguatkuasaan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), V. Kirupakaran berkata, cadangan pindaan itu telah diserahkan kepada Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) untuk tindakan lanjut.

Menurut beliau, pihaknya juga telah mencadangkan agar pesalah berdepan penjara maksimum sehingga 10 tahun berbanding setahun sebelum ini.

Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655) sebelum ini hanya memperuntukkan denda sehingga RM100,000 dan penjara tidak lebih setahun atau kedua-duanya.

"Akta ini tidak pernah dipinda sejak 2006 dan dikuatkuasakan dua tahun kemudian selepas penubuhan SPAN.

"Kertas cadangan tersebut difahamkan telah lengkap dan hanya menunggu dibawa ke Parlimen untuk pindaan dan kelulusan," katanya.

Tambahnya, SPAN mengambil serius isu itu memandangkan tindakan yang telah diambil sebelum ini tidak menimbulkan rasa takut kepada pihak berkenaan.

"Mungkin denda tersebut dianggap tidak setimpal untuk memberi pengajaran kepada pesalah dalam usaha mencegah aktiviti curi air terawat.

"Bekalan air terawat adalah aset negara dan sekiranya dibiarkan, ia akan menyebabkan negara kehilangan hasil pendapatan," jelasnya.

Mengulas lanjut, Kirupakaran menegaskan operasi penguatkuasaan dan pemantauan dilakukan setiap hari oleh SPAN dalam mengesan salah laku jenayah tersebut.

"Bagaimanapun, kita juga bergantung kepada pihak operator setiap negeri bagi memberikan maklumat untuk memastikan tiada lagi aktiviti kecurian air," ujarnya.

Dalam perkembangan sama, beliau menjelaskan, sejumlah RM772,850 denda telah dikenakan kepada pesalah dari tempoh 2008 hingga 2016.

"Untuk kes empat tahun terakhir, perkara itu masih dalam siasatan dan sedang menunggu pihak pendakwaan bagi tindakan lanjut," jelasnya.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR<br>4 February 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Kosmo |
| Tajuk Berita | : | Sambungan haram bawah tanah |
| Muka Surat | : | 3 |

# Rugi RM8.2 juta angkara curi air

Tapak binaan, kilang buat penyambungan bawah tanah elak dikesan pihak berkuasa




ANTARA kegiatan curi air terawat yang berjaya dikesan SPAN di sebuah tapak pembinaan di Banting, Selangor pada November tahun lalu.

NEGARA kehilangan pendapatan kira-kira RM8.2 juta dalam tempoh dua tahun sejak 2019 akibat kegiatan mencuri air terawat berpunca daripada penyambungan haram yang dilakukan terutamanya melibatkan syarikat di tapak binaan dan kilang.

Pengarah Kanan Bahagian Penguatkuasaan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), V. Kirupakaran berkata, nilai kerugian itu melibatkan sebanyak 3.3 juta meter padu ($m^3$) air terawat iaitu jumlah yang boleh memberi manfaat kepada 160,00 buah rumah selama sebulan.

"Atas sebab itu kita mencadangkan agar akta dipinda bagi membolehkan denda dinaikkan sehingga RM1 juta selain hukuman penjara selama 10 tahun.

• BERITA PENUH DI MUKA 3

Negara rugi RM8.2 juta akibat kegiatan curi air oleh syarikat tapak binaan, kilang

# Sambungan haram bawah tanah

Oleh MOHD. YUNUS YAKKUB

**SHAH ALAM** – Tapak pembinaan dan kilang dikenal pasti sebagai industri yang menyumbang kepada peningkatan kes kecurian air terawat dalam tempoh dua tahun sejak 2019.

Aktiviti tidak bertanggungjawab yang berpunca daripada penyambungan haram itu mengakibatkan negara kerugian sebanyak RM8.2 juta dengan sebanyak 344 kes dilaporkan dalam tempoh berkenaan.

Pengarah Kanan Bahagian Penguatkuasaan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), V. Kirupakaran berkata, nilai kerugian itu melibatkan sebanyak 3.3 juta meter padu (m3) air terawat yang telah digunakan tanpa dibayar oleh pihak yang terlibat.

Katanya, pada tahun 2019, jumlah kerugian yang direkodkan adalah sebanyak RM3.9 juta sebelum meningkat pada tahun lalu kepada RM4.3 juta.

"Penggunaan asas sesebuah isi rumah adalah 20 meter padu dan secara perbandingan, anggaran 3.3 juta meter padu yang dicuri itu sebenarnya boleh digunakan selama sebulan oleh kira-kira 160,000 buah rumah.

"Ia adalah bersamaan jumlah pengguna air terawat di Ampang atau Gombak," katanya kepada *Kosmo!*.

Menurut beliau, tapak pembinaan menyumbang kira-kira 240 kes atau 70 peratus daripada keseluruhan 344 kes yang dicatat sepanjang dua tahun lalu mengambil kira banyak projek-projek besar yang dijalankan termasuk pembinaan lebuh raya dan rel pengangkutan awam.

Katanya, perkara itu berlaku disebabkan tapak pembinaan tidak mempunyai punca bekalan air yang mencukupi dan pihak terbabit cuba mendapatkan sumber air dari saluran perpaipan bawah tanah yang telah tersedia dan dikendalikan oleh operator air di setiap negeri.

"Kegiatan curi air ini biasanya dilakukan subkontraktor yang dilantik oleh pemaju utama bagi sesebuah tapak pembinaan.

"Namun, tindakan utama tetap dikenakan kepada pemaju kerana mereka perlu memastikan subkontraktor yang dilantik mencari sumber air dengan cara yang betul," katanya.

Jelas beliau, rekod turut menunjukkan bahawa aktiviti curi air di tapak binaan banyak berlaku di Lembah Klang dan Johor melibatkan tempoh selama enam hingga 12 bulan lalu.

"Kilang terutama dalam pembuatan air batu juga menyumbang kerana premis ini memerlukan sumber air berterusan untuk operasi mereka," katanya.

Mengulas mengenai modus operandi, Kirupakaran menegaskan, kegiatan curi air biasanya dilakukan di kawasan terlindung dan sukar dikesan kerana sambungan haram atau *bypass* dilakukan di bawah tanah.

"Ada sesetengah premis komersial mempunyai meter air sah, namun mereka melakukan pintasan sebelum sampai di bahagian meter.

"Mereka mempunyai dua saluran air sama ada ingin menggunakan yang berbayar atau tidak berbayar bagi mengelakkan dihidu pihak berkuasa," jelasnya.



PENGARAH Unit Komunikasi Korporat dan Hal Ehwal Pengguna SPAN, Mohd. Fazil Ismail (kiri), Anggota Suruhanjaya SPAN, Shahir Adnan (kanan) dan Ketua Air Selangor Wilayah Klang, Anwar Ahmadi Mahmud menunjukkan penyambungan haram di sebuah kilang di Pelabuhan Klang, Selangor pada Disember lalu.

**Kes curi air**

| Operator negeri | 2019 | 2020 |
|---|---|---|
| Ranhill SAJ Sdn. Bhd. | 69 | 55 |
| AIR SELANGOR | 21 | 25 |
| Syarikat Air Negeri Sembilan (SAINS) | 27 | 47 |
| Pengurusan Air Pahang Berhad (PAIP) | 3 | 2 |
| Syarikat Air Terengganu (SATU) | 0 | 17 |
| Air Kelantan Sdn. Bhd. (AKSB) | 14 | 13 |
| Syarikat Air Darul Aman (SADA) | 9 | 6 |
| Syarikat Air Melaka Berhad (SAMB) | 1 | 0 |
| Syarikat Air Perlis (SAP) | 15 | 7 |
| Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) | 8 | 1 |
| Lembaga Air Perak (LAP) | 0 | 4 |
| **JUMLAH** | **167** | **177** |

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR**<br>**4 February 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Kosmo |
| Tajuk Berita | : | Bahan kimia tidak jejaskan dua LRA |
| Muka Surat | : | 12 |



**PETUGAS JAS memeriksa bahan kimia yang dibuang di rizab Sungai Langat, Taman Seri Reko, Kajang semalam.** – AMIR KHALID

# Bahan kimia tidak jejaskan dua LRA

**KAJANG** – Sebanyak 19 tong berisi cecair bahan kimia yang ditemui dibuang di Taman Seri Reko berhampiran Sungai Langat di sini kelmarin tidak menyebabkan pencemaran dan henti tugas di dua Loji Rawatan Air (LRA) berhampiran.

Exco Alam Sekitar, Teknologi Hijau, Sains, Teknologi Dan Inovasi (STI) dan Hal Ehwal Pengguna, Hee Loy Sian berkata, siasatan oleh pihak Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) mendapati tiada sebarang tumpahan sisa kimia berlaku di tebing Sungai Langat.

"Penemuan tong cecair ini tidak akan menyebabkan henti tugas loji rawatan air (LRA) terdekat iaitu Loji Semenyih 2 dan Bukit Tampoi.

"Siasatan awal yang dijalankan oleh LUAS bersama Jabatan Alam Sekitar (JAS), Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dan Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) kemudiannya mendapati bahan buangan terjadual yang terkandung di dalam tong besar mengeluarkan bau seakan bahan pelarut (solvent), manakala cecair kimia di dalam tong kecil berbau seakan penipis cat (thinner)," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Ujar beliau, LUAS menerima laporan daripada MPKj berkenaan pembuangan 13 tong besar dan enam tong kecil yang berisi cecair bahan kimia.

Menurutnya, bahan buangan terjadual tersebut sepatutnya dilupuskan di kawasan yang ditetapkan selaras Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Sementara itu, Pengarah JAS Selangor, Nor Aziah Jaafar berkata, siasatan awal mendapati terdapat 19 tong yang berserakan dilokasi dan bacaan pH mengesan terdapat sisa dalam tong yang memberikan bacaan berasid dan ada sisa menunjukkan bacaan beralkali.

"JAS dengan bantuan Polis Diraja Malaysia (PDRM) giat mengesan keberadaan lori yang membuang sisa kimia dan suspek yang terlibat.

"Kertas Siasatan akan dibuka untuk pendakwaan di mahkamah bagi kesalahan-kesalahan utama di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974," tambahnya.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR<br>4 February 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Kosmo |
| Tajuk Berita | : | Ibu Yati beri keterangan dua jam kepada JAIS |
| Muka Surat | : | 12 |

# Ibu Yati beri keterangan dua jam kepada JAIS



WAN NORHAYATI

**SHAH ALAM** – Bekas wartawan, Wan Norhayati Wan Alias, 41, hadir memberikan keterangan lebih dua jam di Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), di sini semalam berhubung isu dakwaan ajaran 'Agama Melayu'.

Proses mengambil keterangan melibatkan Wan Norhayati atau lebih dikenali Ibu Yati bermula pukul 10.15 pagi hingga 1 tengah hari.

Beliau mendakwa, isu timbul selepas satu video yang dikaitkan dengannya telah berkenaan dimanipulasi dengan pelbagai andaian tanpa sebarang usul periksa sedangkan ia lebih bersifat dokumentari.

Katanya, video itu dibuat hasil kajian daripada berkaitan paluan gong yang bukan sahaja digunakan untuk istiadat pertabalan raja, malah ketika konvokesyen dan muzik untuk hiburan.

"Jadi, adakah palu gong itu sesat dan perkataan 'ila ha ila ra ila ma' itu tercatit dan direkodkan dalam kitab atau manuskrip lama Melayu yang ketika ini disimpan di sebuah muzium di London, England.

"Saya tidak pernah mengisytiharkan agama baharu atau agama ajaran Melayu," katanya ketika ditemui di pekarangan bangunan JAIS di sini semalam.

Justeru, Wan Norhayati kesal dengan tindakan Yang Dipertua Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (Yadim), Nasrudin Hassan yang menjatuhkan hukuman sesat sehingga mendahului dan menghina Majlis Fatwa Kebangsaan dan JAIS.

Mengulas lanjut, katanya, dia telah membuat tiga laporan polis di Ibu Pejabat Polis Daerah Ampang berhubung dakwaan yang dilakukan oleh Nasrudin itu selain laporan berhubung ugutan bunuh dan tohmahan netizen terhadap dirinya.

*Kosmo! Ahad* melaporkan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Seri Zulkifli Mohamad al-Bakri mengesahkan JAIS sedang melakukan siasatan menyeluruh berhubung ajaran 'Agama Melayu'.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR 4 February 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Sinar Harian |
| Tajuk Berita | : | Capaian internet di DUN Sungai Air Tawar kurang memuaskan |
| Muka Surat | : | 12 |

# Capaian internet di DUN Sungai Air Tawar kurang memuaskan

**SABAK BERNAM -** Kebanyakan kampung di Dewan Undangan Negeri (DUN) Sungai Air Tawar masih mengalami masalah liputan internet kurang memuaskan hingga menyukarkan pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) secara dalam talian sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 2.0.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Air Tawar, Datuk Rizam Ismail berkata, beliau menerima banyak rungutan daripada ibu bapa dan guru berhubung masalah capaian penebusan jalur lebar yang perlahan di kawasan itu.

Menurutnya, DUN Sungai Air Tawar yang dikategorikan sebagai luar bandar mempunyai tiga sekolah menengah dan hampir 30 sekolah rendah termasuk Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) berdepan cabaran utama dalam perlaksanaan PdPR.

"Lebih mendukacitakan penduduk terpaksa membayar pakej internet untuk mendapatkan capaian, namun malangnya kadar kelajuan internet terlalu perlahan malah sesetengah tempat seperti di Kampung Sungai Tengar dan Tebuk Mufrad tidak mempunyai liputan internet yang menyeluruh," katanya selepas menyampaikan sumbangan kerusi di Balai Polis Sungai Air Tawar di sini pada Rabu.

Rizam yang juga Ketua Pembangkang DUN Selangor berkata, rungutan sama bukan sahaja dihadapi pelajar dan guru sekolah, malah mereka yang berniaga secara dalam talian sepanjang PKP 2.0 ini turut mengadu keadaan itu.

Malah tegas beliau, pihaknya turut mempersoalkan mutu perkhidmatan WiFi Smart Selangor yang gagal berfungsi dengan baik di kawasan itu.

"Kita memohon kerajaan negeri menaik taraf perkhidmatan WiFi ini untuk kemudahan penduduk terutama pelajar dan guru yang amat berharap perkhidmatan ini dapat dipertingkatkan.

"Amat janggal sebuah negeri maju, tetapi masih banyak kawasan tidak terima capaian internet menyeluruh," katanya.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR<br>4 February 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Sinar Harian |
| Tajuk Berita | : | Kedai cetak baju disita |
| Muka Surat | : | 23 |

# Kedai cetak baju disita

## Buang sisa kimia dalam longkang

Oleh ENGKU SHARIFUL AZNI

KAJANG

Sebuah kedai pencetakan baju di Kajang Perdana di sini disita kerana membuang sisa bahan kimia terus ke dalam longkang.



LOY SIAN

Exco Pelancongan, Alam Sekitar, Teknologi Hijau serta Hal Ehwal Orang Asal Selangor, Hee Loy Sian berkata, Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) menerima aduan daripada orang ramai berkenaan pembuangan sisa kimia ke dalam longkang oleh premis tersebut.

Beliau yang turun padang melihat keadaan premis beroperasi selama 10 tahun itu berkata, pemilik premis tidak merawat sisa kimia dari premis itu sebaliknya terus membuangnya ke longkang.

Menurutnya, tindakan menyita premis itu telah dilaksanakan pada Selasa dan pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) akan mengambil tindakan kepada pemilik kilang tersebut.

"Siasatan telah dijalankan pada Selasa dan antara bahan kimia yang dibuang ke dalam longkang ialah penipis cat (*thinner*) dan cat berwarna yang digunakan untuk membuat pakaian.

"Walaupun ia tidak memberi gangguan di loji kumbahan, namun ia berpotensi untuk mencemarkan sungai," katanya pada Rabu.




**Premis pencetakan baju disita pada Selasa selepas membuang sisa bahan kimia terus ke dalam longkang.**

Katanya, pesalah akan diambil tindakan di bawah Akta Industri Perkhidmatan Air 2008 Seksyen 61, yang mana pesalah akan dikenakan denda sebanyak RM100,000 atau penjara selama setahun atau kedua-duanya sekali.

"Pesalah juga akan diambil tindakan oleh pihak MPKj, yang mana pesalah akan dikompaun sebanyak RM1,000 dan lesen perniagaan akan ditarik," katanya.

Terdahulu, pengawasan yang longgar di rizab Sungai Langat di sini didakwa menjadi punca pihak tidak bertanggungjawab membuang sisa bahan kimia di tepi sungai.

Loy Sian berkata, walaupun kawasan itu mudah diceroboh oleh pihak tidak bertanggungjawab, namun MPKj akan mengeluarkan notis kepada mereka yang didapati bersalah menceroboh kawasan itu.

Menurutnya, Kerajaan Selangor sentiasa komited dalam memastikan kelangsungan sumber air negeri ini dan menyeru kepada semua pihak supaya prihatin terhadap kawasan-kawasan sensitif sumber air negeri terutamanya sungai.

"Laporkan sebarang aktiviti mencurigakan yang berpotensi menyumbang kepada pencemaran sumber air agar insiden pencemaran dapat dielakkan," katanya.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| KERATAN AKHBAR 4 February 2021 | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Sinar Harian |
| Tajuk Berita | : | SPAN siasat penemuan tong berisi bahan pelarut |
| Muka Surat | : | 23 |

# SPAN siasat penemuan tong berisi bahan pelarut

**CYBERJAYA** – Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) menjalankan siasatan ke atas sebuah premis tidak berpenghuni di Taman Seri Reko berhampiran tepi Sungai Langat susulan penemuan tong berisi bahan sisa berjadual pada Selasa.

Menerusi satu kenyataan dikeluarkan pada Rabu, bahan buangan berjadual (bahan pelarut) yang tidak diuruskan dengan baik terbabit berpotensi mencemar sumber air dan mengganggu bekalan air bersih kepada pengguna.

"Hasil siasatan menemui tong berisi bahan buangan yang berpotensi menjadi punca pencemaran sungai.

"Sekiranya pencemaran berlaku, pemilik premis boleh disiasat di bawah Seksyen 121 (1) (C) yang memperuntukkan hukuman denda sehingga RM100,000 atau penjara selama tempoh satu tahun atau keduaduanya sekali," katanya.




**Anggota penguat kuasa SPAN memeriksa tong ditemui berisi bahan sisa berjadual di tepi Sungai Langat berhampiran Taman Sri Reko, Cyberjaya.**

Menurut kenyataan itu, premis diperiksa yang didirikan di tanah rizab sungai tersebut disyaki beroperasi tanpa lesen sah dan sedang dalam siasatan pihak MPKj.

SPAN dalam pada itu memohon kerjasama orang awam untuk melaporkan kes-kes yang disyaki melakukan pencemaran kepada Bahagian Siasatan dan Penguatkuasaan SPAN di talian 03-83179333 atau e-mel ke aduan@span.gov.my.

Sementara itu, Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS), Norlin Jaafar berkata, pihaknya turut membuka kertas siasatan berhubung kejadian dan menutup kawasan berkenaan bagi mengelakkan sebarang kesan bahan kimia kepada orang awam.

Katanya, sampel bahan kimia tersebut telah dihantar ke Jabatan Kimia untuk dianalisis.

Menurutnya, kertas siasatan dibuka mengikut Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 termasuk Seksyen 34A iaitu gagal mengemukakan laporan mengenai kesan kepada alam sekeliling (EIA) daripada aktiviti ditetapkan (penstoran luar tapak) dan Seksyen 34B iaitu menempatkan buangan terjadual di premis tanpa mendapat apa-apa kelulusan daripada ketua pengarah.

"Siasatan turut membabitkan Seksyen 18(1) iaitu menjalankan aktiviti di premis yang ditetapkan tanpa mendapat apa-apa lesen daripada Ketua Pengarah dan Seksyen 19(a) iaitu menjalankan aktiviti di premis yang ditetapkan tanpa mendapat apa-apa kebenaran bertulis daripada Ketua Pengarah.

"Pihak JAS giat memburu pelaku yang bertanggungjawab terhadap insiden ini," katanya.

Kesemua tong terbabit dilaporkan ditemui di tepi Sungai Langat berhampiran Taman Sri Reko malam Selasa.

Satu daripada tong berkenaan dilaporkan ditemui dalam keadaan terbuka.

Bagaimanapun, Jabatan Bomba dan Penyelamat yang menjalankan pemeriksaan mendapati bahan kimia itu tumpah dalam kuantiti sikit dan tidak membahayakan alam sekitar serta nyawa manusia.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR 4 February 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Sinar Harian |
| Tajuk Berita | : | Kerajaan Selangor cuba ambil alih |
| Muka Surat | : | 24 |

# Kerajaan Selangor cuba ambil alih

## Mohon sejak 2019 selepas pengurusan dilihat tidak kompeten

**Oleh ASYRAF MUHAMMAD**

**SUBANG**

Kerajaan Selangor telah berusaha mengambil alih pengurusan Projek Perumahan Rakyat (PPR) Lembah Subang 1 sejak 2019, namun tiada sebarang maklum balas daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Exco Perumahan, Kesejahteraan Bandar dan Pembangunan Usahawan Selangor, Rodziah Ismail berkata, PPR berkenaan berada di bawah pengurusan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) sejak 2001 hingga 2017, namun selepas itu diambil alih oleh KPKT sekitar 2018.

Bagaimanapun, Rodziah berkata, kerajaan negeri membuat permohonan mengambil alih semula PPR itu selepas pengurusannya dilihat tidak kompeten menyelesaikan permasalahan penduduk di sini.

"Kami bersetuju untuk mengambil alih semula PPR ini, namun bersyarat antaranya kita mahu tanah ini diserahkan kepada kerajaan negeri.

"Selain itu, antara syarat lain adalah kita juga mahu pembaikan dan bil-bil tertunggak di PPR berkenaan diselesaikan terlebih dahulu sebelum kami mengambil alih.

"Malah, kerajaan negeri mahu agar kontrak pengurusan lama di PPR ini ditamatkan," katanya kepada pemberita ketika turun padang meninjau keadaan di PPR berkenaan bersama Datuk Bandar Petaling Jaya, Datuk Mohd Sayuthi Bakar dan pengurusan KDEB Waste Management (KDEBWM) pada Rabu.

Menerusi tinjauan itu, kerajaan negeri turut menggerakkan 20 lori milik KDEBWM bagi membantu operasi pembuangan sampah di PPR itu.

Dalam pada itu, Rodziah berkata, kali terakhir beliau membangkitkan perkara itu adalah pada Disember tahun lalu sewaktu mesyuarat exco bersama Menteri KPKT, namun pihak terlibat memaklumkan isu itu akan dibincangkan kemudian.

"Kita terbuka untuk ambil alih dan minta menteri agar cepat membuat keputusan berhubung syarat itu," katanya.

Dalam pada itu, Rodziah berkata, kerajaan negeri juga bercadang memperluas inisiatif bakul makanan buat penghuni di PPR berkenaan susulan penularan Covid-19.

Sebelum ini, *Sinar Harian* melaporkan mengenai kekecewaan penduduk terhadap pengurusan PPR itu yang didakwa tidak mengendahkan aduan persekitaran kawasan yang tidak selesa dengan longgokan sampah dan kerosakan kemudahan di perumahan berkenaan.

**ISU PPR LEMBAH SUBANG 1**



**Rodziah (tiga dari kiri) meninjau keadaan longgokan sampah di PPR Lembah Subang 1 pada Rabu.**

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

